

Bil. S 30

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2019

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran
2. Pengisytiharan tempat terkawal
3. Pihak berkuasa

AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2019.

Pengisytiharan tempat terkawal

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, yang diperihalkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa

3. Pihak-pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL
(perenggan-perenggan 2 dan 3)

<i>Tempat</i>	<i>Nombor Pelan</i>	<i>Pihak berkuasa</i>
Pulau Muara Besar dan jambatannya, Mukim Serasa, Daerah Brunei dan Muara	GT190001BM	Pesuruhjaya Polis Pengarah Urusan Darussalam Enterprise

Bertarikh pada hari ini 11 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 10 haribulan Oktober, 2019.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
(DR.) **HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG**
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.